

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

Kedai Kopi 33 (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu, Sabah bagi satu pertuduhan di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan dengan curang menggunakan elektrik, iaitu dengan memutuskan kabel voltan fasa merah dan kuning, serta kabel arus fasa merah meter elektrik milik SESB. Pada 11 Mac 2024, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan dan Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM20,000.00 dan OKS telah membayar denda tersebut.